


Kem Komputeran ARVIS: Lego & Arduino Macam Goreng Pisang Panas!

Description



Pada sesi yang lepas, ARVIS menerima seramai 75 peserta dari sekitar daerah Selangor. Penyertaan yang memberangsangkan ini menunjukkan minat yang tinggi dalam kalangan pelajar terhadap bidang robotik. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mendorong minat pelajar melalui aktiviti STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik), bengkel ini memainkan peranan penting dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4 dan 9. Sebagai platform pendidikan yang kritikal dan inovatif, bengkel ini mendorong pelajar untuk mengasah pemikiran kritis dan mengemukakan idea-idea mereka, sekaligus meningkatkan keupayaan intelektual mereka.

Bengkel ini memperkenalkan pelajar kepada asas-asas teknologi robotik melalui LEGO Mindstorms dan Arduino mBot, yang merupakan komponen penting dalam pembangunan industri masa hadapan. Melalui penjanaan idea dan pemikiran kritis, pelajar digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam proses inovasi, yang seterusnya akan menyokong pembangunan infrastruktur teknologi pada masa depan serta membentuk generasi muda yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

Selain itu, bengkel ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan pakar-pakar dalam bidang robotik dan teknologi. Para peserta dapat mengajukan soalan, berkongsi idea, dan mendapatkan panduan langsung daripada profesional yang berpengalaman. Ini bukan sahaja

meningkatkan pemahaman mereka tentang robotik, tetapi juga membuka mata mereka kepada pelbagai peluang kerjaya dalam bidang ini. Melalui pendedahan ini, diharapkan lebih ramai pelajar akan terinspirasi untuk meneruskan pengajian dalam bidang STEM dan menyumbang kepada pembangunan teknologi negara pada masa hadapan.

**Oleh:**

Afzan Adam
afzan@ukm.edu.my

Pengarang Bersama:

Adam Harris Roslan
Noor Faridatul Ainun Zainal
Abdul Hadi Abdul Rahman
Nor Samsiah Sani
Nazhatul Hafizah Kamarudin

Category

1. Aktiviti Penyelidikan

Date Created

2024/12/04

Author

root